



KERATAN AKHBAR

|             |   |                 |            |      |
|-------------|---|-----------------|------------|------|
| AKHBAR      | : | SINAR HARIAN    |            |      |
| TARIKH      | : | 1/6/2017        | MUKA SURAT | : 38 |
| JABATAN     | : | UMUM            |            |      |
| KLASIFIKASI | : | <b>MAKLUMAN</b> |            |      |

### MPS tawar beli bahan kitar semula

SELAYANG - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) memilih Bandar Baru Selayang sebagai perintis projek pengasingan sisa dipunca atau bahan kitar semula.

Ahli Majlis MPS, Norazlin Md Samsudin berkata, melalui program tersebut setiap rumah dibekalkan satu unit tong sampah 70 liter bagi memudahkan pengasingan sampah harian dengan kitar semula dilakukan.

Menurutnya, barang yang dikumpulkan akan ditukar dengan wang mengikut harga ditetapkan bagi setiap kilogram (kg).

"MPS akan beli surat khabar, kotak, tin besi dengan harga 20 sen per kg dan kertas A4 serta besi kosong 30 sen bagi berat sama.

"Botol plastik seperti air mineral dan bekas syampu dibayar 40 sen per kg, bateri kereta 70 sen, minyak masak 80 sen dan tin aluminium RM2 per kg," katanya.

Beliau berkata, jadual kutipan akan dilakukan sebulan sekali dengan meletakkan bahan kitar semula pada tong oren yang disediakan di hadapan rumah penduduk.

"Ia akan dikutip pada Sabtu setiap minggu ketiga antara jam 10 hingga 11 pagi atau boleh terus ke tempat letak kereta stadium MPS pada hari sama antara jam 8.30 pagi sehingga jam 11 pagi.

"Kempen bakal dimulakan pada 1 Jun ini bagi meningkatkan kesedaran menjaga alam sekitar dan memudahkan sistem pengurusan sisa pepejal," katanya.



Norazlin membuat penyerahan tong sampah kepada wakil penduduk sebagai simbolik kempen yang bakal dilaksanakan 1 Jun ini.